

NO. SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]

TARIKH : 1 OGOS 2017

RUJUKAN : 10000

SOALAN:

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk menangani sindiket aktiviti perjudian atau "*money game*" termasuk ekor haram yang berselindung di premis-premis kedai telekomunikasi di kawasan Tanjong Piai khususnya di kawasan Pekan Nanas.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bertindak tegas terhadap aktiviti perjudian haram terutama yang melibatkan “*Money Game*” termasuk penjualan ekor haram yang berselindung di premis-premis perniagaan yang sah seperti kedai runcit, restoran dan kedai telekomunikasi.

Beberapa langkah telah diambil oleh PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh individu dan sindiket yang boleh menjejaskan imej Malaysia adalah seperti berikut:

- i. pembanterasan kegiatan penjualan ekor haram dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara melalui operasi-operasi yang dijalankan secara berterusan;**
- ii. mengenalpasti individu dan sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang berkaitan;**
- iii. mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi**

Terbuka 1953, Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959; dan

- iv. tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.

Statistik Jumlah Serbuan Dan Tangkapan Perjudian Loteri Haram Di Daerah Pontian dari tahun 2016 hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:

STATISTIK SERBUAN / TANGKAPAN PERJUDIAN DAERAH PONTIAN TAHUN 2016 HINGGA JUN 2017												
JENIS JUDI	SERBUAN		TANGKAPAN		RAMPASAN MESIN		RAMPASAN WANG (RM)		JUMLAH KES		PERTUDUHAN	
	2016	JAN- JUN 2017	2016	JAN- JUN 2017	2016	JAN- JUN 2017	2016	JAN- JUN 2017	2016	JAN- JUN 2017	2016	JAN- JUN 2017
EKOR HARAM	18	12	18	12	0	0	8601	11,047	18	12	18	12